



**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN & UNDANG-UNDANG)**

**KENYATAAN MEDIA**

**SOP PERKHIDMATAN GUAMAN SEPANJANG  
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN  
DI SELANGOR DAN KUALA LUMPUR**

---

1. Seperti yang diumumkan oleh YB. Menteri Kanan Pertahanan pada 3 Julai 2021, **Kerajaan telah bersetuju membenarkan firma guaman beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)** di mukim-mukim di **Negeri Selangor** dan beberapa lokaliti di **Kuala Lumpur** dari 3 hingga 16 Julai 2021. Kebenaran ini diberikan setelah mengambil kira keperluan perkhidmatan guaman untuk menyokong sektor perkhidmatan perlu yang lain serta melancarkan urusan-urusan berkaitan dengan mahkamah dan jabatan kerajaan.
  
2. Dalam hubungan yang sama, dengan mengambilkira penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, firma guaman di kawasan PKPD perlu mematuhi SOP lebih ketat seperti berikut:
  - (i) hanya **2 orang pekerja atau 20%** daripada jumlah bilangan pekerja, yang mana lebih tinggi, dibenarkan beroperasi dari pejabat;
  - (ii) **waktu operasi firma** ditetapkan antara jam **9 pagi sehingga 1 petang**;
  - (iii) firma guaman perlu **menetapkan temujanji** dengan anak guam atau pelanggan sekiranya perlu berurusan secara **fizikal**.
  
3. Firma guaman boleh memohon kebenaran beroperasi melalui portal **COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0.**, dengan mana kebenaran beroperasi daripada CIMS yang telah diperolehi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 boleh terus digunakan.

4. **SOP Perkhidmatan Guaman** Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan ini boleh dirujuk dari **platform komunikasi Majlis Keselamatan Negara (MKN)**. Adalah diingatkan penguatkuasaan dan pemantauan rapi bagi memastikan pematuhan SOP oleh firma guaman akan dilaksanakan secara berintegrasi oleh pihak berkuasa. Sehubungan dengan itu, pihak-pihak diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan berkaitan PKPD demi kebaikan semua.

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan**  
**Menteri di Jabatan Perdana Menteri**  
**(Parlimen dan Undang-Undang)**  
**04 Julai 2021**